

# Lahirnya Muhammad Membawa Obor Sinaran Islam

(II)

(Oleh: Faḍīlah al-Shaykh Sayyid Jād al-Hāq)

Untuk menyambung kajian bermutu ini – yang mana bahagian pertamanya telah kita siarkan di majalah Qalam bilangan (224), keluaran bulan Jun 1969 yang lalu – maka kami persilakan para pembaca sekalian mengikutinya di mana dalam bahagian yang kedua ini penulisnya akan menerangkan rahsia kejayaan Rasulullah (S.A.W), mengembangkan ajaran-ajaran Tuhan yang dibawanya itu kepada seluruh umat manusia. Adakah cara-cara beliau menjalankan tugas seruannya dengan menggunakan dasar-dasar kekerasan sebagaimana yang pernah ditulis oleh *orientalist-orientalist* Barat di dalam buku-buku mereka mengenai Islam? – Ini akan dapat para pembaca sekalian mengetahuinya dengan membaca kajian-kajian dalam *muqālam* ini hingga ke akhir. – Pengarang.

(Alih bahasa: Abdul Aziz al-Murshidi)

## Aspek-aspek Pengajaran yang Utama:

Pembinaan moral dan akhlak yang tinggi mulia itu bukan sahaja hanya terbatas untuk mengadakan keharmoniaan hidup dikalangan antara sesama manusia, malahan juga dapat mempereratkan hubungan yang lebih mendalam di antara *Khāliq* (Allah) dengan makhluk (manusia), demi untuk membersihkan jiwa dari kekotoran syirik dan menjauhkan hati nurani dari tipu daya syaitan yang bakal menceburkan seseorang ke jurang kecelakaan hidup dunia dan akhirat.

Inilah di antara aspek-aspek pengajaran utama yang diseru oleh Nabi Muhammad S.A.W kepada manusia seluruhnya sewaktu beliau mula-mula dirasmkin<sup>1</sup> menjadi rasul (utusan) Allah di muka bumi ini. Ketika itu dengan tidak ragu-ragu lagi beliau menyatakan kepada manusia yang diserunya: ((Bahawa beliau diutuskan ke alam dunia ini demi untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak)). Beliau sekali-kali tidak pernah mengatakan: ((Bahawa ia diutus untuk melakukan pekerjaan-pekerjaan yang luar biasa)), lantaran beliau mengetahui,

seseorang rasul yang diutus oleh Tuhan itu, jika ia hanya mempertunjukkan perbuatan-perbuatan yang luar biasa melalui kekuasaan mukjizat yang telah dikurnia Allah kepada setiap rasul yang diutus-Nya itu, tidak akan dapat mendidik jiwa golongan manusia yang telah zaman-berzaman melanda hidup di alam kesesatan, kalau hanya dengan menggunakan kekuasaan mukjizat, ia tidak akan berjaya membentuk dan melembutkan hati-hati manusia yang lebih keras dari batu-batu pejal itu, kerana manusia yang degil dan keras kepala boleh menganggap bahawa kekuasaan-kekuasaan mukjizat yang boleh menghidupkan orang mati, berjalan di atas air, melayang-layang di angkasa lepas dan sebagainya itu, merupakan suatu perbuatan sihir yang bersandar kepada kuasa-kuasa ghaib yang dikendalikan oleh jin dan syaitan, sekalipun kekuasaan mukjizat itu benar-benar sumber terbitnya dari kekuasaan Tuhan, tetapi tidak akan mudah dipercayai oleh golongan manusia yang segenap jiwa dan hati nuraninya dipengaruhi oleh ajaran-ajaran syaitan.

<sup>1</sup> Perkataan sebenarnya adalah dirasmikan.

## Lahirnya Muhammad...

### **Pendidikan Lebih Penting:**

(Oleh itu jika kita meninjau seluruh perjuangan yang dilancarkan oleh Nabi Muhammad S.A.W di medan dakwah Islamiyyah, kita dapati beliau lebih menitikberatkan soal pendidikan daripada menggunakan kekuasaan mukjizat untuk menarik jiwa orang-orang yang diserunya, sekalipun di saat beliau menempuhi dugaan yang paling genting, dikata dinista, diancam, diperkosa dan akhir sekali beliau hampir-hampir dibunuh, namun demikian kekuasaan mukjizat yang boleh menghancurkan dan membinasakan kaumnya yang degil sombong (dengan izin Allah) itu, tidak mahu dipergunakannya, malahan beliau (dengan izin Allah juga) sanggup meninggalkan tanah tempat tumpah darahnya – bumi Mekah – berpindah ke kota Madinah yang beliau sendiri belum biasa dengan suasana iklimnya, dengan menanggung beberapa kesulitan dan penderitaan, dikejar, dihambat oleh musuh-musuhnya kaum kufar Quraysh, bersembunyi di perut gua di kemuncak Jabal Thūr, melanda panas terik di padang pasir yang luas saujana, tidur berembun di bawah naungan pohon-pohon kurma bermalam-malaman di sepanjang perjalanannya semasa beliau berhijrah ke kota Madinah. Kesemua penderitaan hidup yang begitu hebat beliau tempuhi dengan perasaan jiwa yang tenang, beliau landa dengan hati yang tabah, sambil mendoakan kaumnya yang derhaka itu agar diberi hidayah dan pertunjuk oleh Tuhan dengan mengemukakan suatu alasan yang logik, lantaran mereka itu tidak mengetahui akan kesucian agama Islam yang dibawanya, dan mereka tidak pula dapat merasakan keindahan dan ketinggian ajaran-ajaran Tuhan yang diserunya itu. Mengapa Rasulullah S.A.W tidak mahu bertindak keras dengan menggunakan kekuasaan mukjizat

yang telah dikurniakan Allah dalam sangat<sup>2</sup> yang sebegitu pahit dan genting, untuk membinasakan kaum kufar Quraysh yang sudah keterlaluan bertindak sampai mengancam keselamatan jiwanya itu? Sebagai jawapannya silalah para pembaca sekalian mengikuti pendapat baginda Rasulullah S.A.W yang diterangkan oleh penulis makalah ini!-Penterjemah.)

### **Tujuan Utama Nabi Muhammad Diutus:**

Kerana Nabi Muhammad S.A.W. berpendapat, jiwa dan hati seseorang manusia yang keras degil itu tak mungkin dilentur dengan menggunakan kekerasan yang seimbang dengan kekerasan dan kedegilan itu, tetapi ia akan dapat dilentur menurut bentuk yang kita kehendaki hanya dengan membentangkan kepada mereka sesuatu yang benar dan hak, berdasarkan kenyataan melalui ilmu pengetahuan yang disampaikan oleh orang-orang yang mempunyai peribadi tinggi, berakhlak mulia dan bermoral yang terpuji.

Pembinaan akhlak yang tinggi mulia adalah merupakan tujuan utama Nabi Muhammad S.A.W diutus Tuhan ke alam dunia ini, kerana dengan tertanamnya budi pekerti yang tinggi di jiwa setiap manusia yang hidup di maya pada ini, maka akan terbentuklah di dunia ini sebuah masyarakat antarabangsa yang bersih, aman dan damai. Selagi manusia seluruhnya mengeneppikan soal akhlak untuk dijadikan panduan hidup mereka di alam dunia ini, maka selama itulah situasi hidup sekeliling mereka akan menjadi kucar-kacir dan perbuatan-perbuatan provokasi yang kejam ganas, bunuh-membunuh yang terkeluar dari batasan peri kemanusiaan antara sesama manusia, pasti akan berlaku dengan bermaharajelela di sepanjang zaman.

Jiwa manusia yang degil dan hati yang keras membatu tidak akan dapat dididik dengan mempamerkan

<sup>2</sup> Perkataan sebenarnya adalah saat.

## Lahirnya Muhammad...

dihadapan mereka kuasa-kuasa mukjizat yang luar biasa, ini akan menambahkan lagi kedegilan dan kesesatan mereka bila mana kuasa-kuasa mukjizat yang dipertontonkan oleh seseorang rasul itu tak dapat mereka atasi, mereka boleh mengadakan 1001 macam tuduhan terhadap rasul-rasul yang diutus itu, dengan mengatakan mereka adalah terdiri daripada golongan ahli-ahli sihir yang mahir mengutarakan ilmu sihirnya. Kalau sudah sedemikian rupa perasaan yang tertanam di dalam jiwa mereka terhadap rasul-rasul Tuhan itu, maka dengan sendirinya mereka akan lari dan menjauhkan diri manakala melihat utusan-utusan Allah itu, cuba hendak menghampirkan diri kepada mereka, lantaran mereka merasa takut dan gentar kepada kuasa-kuasa mukjizat yang mereka anggap sebagai ilmu sihir – yang paling merbahaya – itu, akan membinasakan mereka.

Oleh itulah – seperti yang telah saya katakan tadi – Nabi Muhammad S.A.W lebih mementingkan seruan-seruan yang berdasarkan pendidikan sewaktu beliau melaksanakan tugas-tugas dakwahnya. Dengan mempraktikkan dasar pendidikan jiwa inilah dalam masa 23 tahun sahaja Rasulullah S.A.W berjaya melemahkan jiwa-jiwa manusia yang bengal degil, melembutkan hati-hati yang keras membatu dan menukar watak tabiat, iktikad kepercayaan bangsa Arab yang telah dari sejak zaman-berzaman menganuti agama syirik penyembah berhala menjadi penganut agama Tuhan yang Maha Esa.

### **Mengubah Aliran Sejarah:**

(Tegasnya, dalam masa yang sebegitu singkat baginda Rasulullah S.A.W telah berjaya mengubah aliran sejarah hidup seluruh bangsa Arab khususnya – dan seluruh umat manusia umumnya – dari jurang kejahilan yang

penuh padat dengan tradisi-tradisi kuno bertemakan ((siapa kuat berkuasa dan siapa lemah dikuasa)), memimpin mereka ke pintu gerbang keimanan yang terang bercuaca, memandu manusia seluruhnya menjadi suatu umat yang bersopan-santun, berbudi pekerti mulia dan bermoral tinggi. Kejayaan-kejayaan gemilang yang telah beliau capai itu, adalah hasil dari ketabahan jiwa dan kecekalan hatinya melaksanakan konsep-konsep pendidikan yang telah diatur dengan sebegitu rapi oleh *Khāliq* yang memimpinya. Beliau tidak pernah menunjukkan sikap kasar atau menggunakan tutur kata yang ket<sup>3</sup> di hadapan manusia-manusia yang diserunya itu, jauh sekali daripada menggunakan kekerasan dengan berbangga-bangga menunjukkan kekusaan mukjizat yang memang telah ada sedia dibekalkan di dalam dada setiap rasul yang diutus Tuhan ke alam dunia ini. Lantaran beliau tetap berpegang kepada konsep perjuangannya yang tak dapat ditandingi oleh rasul-rasul Allah yang diutus sebelumnya. Konsep utama yang diamalkan oleh Nabi Muhammad S.A.W dalam perjuangannya menegakkan agama Allah di muka bumi ini ialah:

1. Jiwa manusia yang degil keras itu tidak akan dapat dilentur dan dibentuk dengan menggunakan dasar kekerasan dalam usaha memperbaikinya.
2. Perasaan sabar, cekal hati dan bersungguh-sungguh adalah di antara sifat-sifat utama yang mesti dimiliki oleh seseorang yang berjuang di lapangan dakwah.
3. Pendidikan yang berdasarkan kenyataan mestilah ditanamkan dengan mendalam ke jiwa orang-orang yang diseru itu.

(Penterjemah).

<sup>3</sup> Perkataan sebenarnya adalah kesat.

## Lahirnya Muhammad...

### Sayap Islam Kian Berkembang:

Dengan mempraktikkan tiga dasar inilah, akhirnya Rasulullah S.A.W berjaya membina sebuah masyarakat Islam yang kukuh dan konkrit, berjiwa keislaman yang sejati, tersusun dari tenaga kerjasama yang rapat, bertimbang-rasa, adil dan saksama. Yang mana pada akhirnya – di zaman Sahabat – masyarakat Islam yang pada mulanya begitu kecil, mengandungi bilangan anggota yang terbatas, kian lama kian membesar, akhirnya terdirilah sebuah *dawlah Islamiyyah* (kerajaan Islam) yang gagah perkasa sehingga berjaya meruntuhkan dua kerajaan yang terbilang di zaman itu iaitu kerajaan Rom dan Parsi. Ini selain dari semakin berkembangnya sayap kerajaan Islam menguasai beberapa buah benua di Timur dan di Barat termasuk bumi Spain (Sepanyol) yang tertakluk di bawah pemerintahan Islam lebih daripada 9 abad lamanya.

### Rahsia Kejayaan Rasulullah:

Kekuatan dan kegagahan Islam di zaman silam tak boleh diabai-abaikan oleh bangsa-bangsa yang cuba memusuhinya; ini tak boleh dihairankan, kerana yang menurunkan Islam ke muka bumi ini adalah Allah Maha Pencipta, yang membinanya adalah seorang rasul pilihan, mempunyai peribadi yang teguh kukuh, memiliki akhlak yang tinggi mulia, bersifat bertimbang rasa, berhati suci, bersemangat waja tak dapat dipatahkan dengan kata-kata yang bernada pujuk rayu, berjiwa besar yang tak mungkin ditundukkan oleh segala rupa ancaman dan gertakkan, serta adil saksama memimpin seluruh umat manusia menuju ke jalan yang benar.

Inilah rahsia kejayaan Rasulullah S.A.W mengembangkan ajaran-ajaran suci yang diturunkan Allah dengan mengutus

beliau untuk menyampaikan ajaran-ajaran tersebut kepada seluruh umat manusia di permukaan bumi yang luas ini. Walau pun kini umat Islam sedang menempuhi suatu zaman kemunduran di alam nyata, dengan sebab kelalaian dan kesalahan mereka sendiri menyalahgunakan ajaran-ajaran Islam yang sentiasa bergerak subur memimpin dan memandu penganut-penganutnya ke puncak kemuliaan hidup di dunia dan kebahagiaan hidup yang kekal abadi di alam akhirat, namun begitu nur keagungan Islam kian memancarkan cahayanya yang gilang-gemilang menyuluh hati-hati manusia yang masih gelap ditutupi oleh tabir-tabir kekufuran yang melindungi mata mereka dari melihat jalan lurus yang terbentang dengan luasnya di hadapan mereka. (Buktinya jumlah bilangan penganut-penganut Islam pada hari ini telah meningkat ke angka lebih daripada 600 juta – penterjemah).

### Manusia Mulai Hidup Bertamadun:

Dengan memperingati hari kelahiranmu wahai Rasulullah!, Hati nurani kami sentiasa kembali mengenangi jasa-jasa perjuanganmu yang begitu besar terhadap perkembangan sejarah hidup umat manusia seluruhnya, yang telah engkau lepaskan mereka dari kegelapan di zaman jahili. Meskipun hanya segelintir manusia sahaja yang benar-benar menghargai jasa-jasa perjuangan yang telah engkau tinggalkan itu, namun begitu dengan berpandukan ajaran-ajaran suci yang engkau bawa, manusia seluruhnya telah terlepas dari belenggu tradisi-tradisi hidup liar, tidak berperikemanusiaan di zaman sebelum engkau diutus ke alam jagat ini.

Dengan berpandukan konsep-konsep ajaran Tuhan yang telah engkau taburkan ke seluruh pelosok alam nyata ini, maka dari sejak itulah manusia sudah mulai pandai hidup bertamadun, hormat-menghormati antara satu sama lain, mereka sudah mulai kenal cara

## Lahirnya Muhammad...

hidup bermasyarakat yang berdasarkan semangat tolong menolong yang rapat dan seterusnya mereka sudah mulai mengetahui mutu dan nilai ilmu pengetahuan, yang mana dengan perantaraan ilmu pengetahuan ini sahajalah manusia sanggup memproses alam maya yang dahulu kosong tandus menjadi sebuah dunia moden yang dipenuhi dengan segala kemajuan yang diperlukan oleh manusia menjalani kehidupan yang lebih teratur dan lebih sempurna; tanpa ajaran-ajaran suci, tanpa ilmu pengetahuan yang engkau bawa, keadaan dunia akan tetap tinggal dengan bentuknya yang sediakala dan penghuni-penghuninya akan kekal hidup dalam situasi kejahilan yang gelap gelita.

Jika seluruh umat manusia memahami cita-citamu yang luhur ini, dengan mengerjakan segala kebaikan yang engkau perintahkan, meninggalkan segala kejahatan yang engkau larang, sudah pasti mereka akan mengecap segala kesenangan, kemakmuran dan ketenteraman hidup yang mereka cita-citakan di alam dunia ini, di alam akhirat pula mereka akan menikmati segala kebahagiaan yang kekal abadi.

### Hak Asasi Manusia:

Wahai penganjur agung yang telah menegakkan keadilan dengan membela orang-orang miskin dari penindasan-penindasa kejam yang sering dilakukan oleh golongan manusia hartawan! Engkau telah berjaya menimbus jurang hidup berkasta-kasta yang memperbezakan antara puak marhaen dan kaum bangsawan, dengan memecahkan tembok-tembok persengketaan yang membawa kepada timbulnya api pemusuhan antara sesama manusia yang tidak berkesudahan.

Dalam khutbah ((*Hujat al-Widā'*)) yang engkau ucapkan pada akhir tahun engkau menempuhi pahit getir hidup di dunia ini untuk menunaikan panggilan Tuhan, kembali

menemui-Nya di alam akhirat, engkau dengan tegas telah menerangkan hak-hak asasi manusia sesama manusia dengan nada suara yang lantang, engkau telah menyeru umat manusia seluruhnya, agar mengamalkan dasar keadilan dan persamaan dalam kehidupan sehari-hari, engkau kutuk kezaliman dan engkau singkap tabir yang melindungi sifat-sifat kotor yang terbenam di hati orang-orang *munāfiqīn* (bermuka dua). Tetapi manusia enggan melaksanakan pesanan-pesananmu yang bernilai tinggi itu. Oleh yang demikian hiduplah mereka di sepanjang zaman menempuhi berbagai-bagai onak dan ranjau, bersengketa, berhasad dengki antara satu sama lain sehingga mereka sanggup melakukan pertumpahan darah, berbunuh-bunuhan sesama sendiri, lantaran dasar hidup berkastah sayang, kenal-mengenali, bertoleransi, dan bertimbang rasa, yang telah engkau serukan itu, tidak mereka amalkan sama sekali.

### Manusia Yang Tidak Mengenang Jasa:

Wahai nabi yang berperai kemanusiaan! Segala ajaran-ajaran Tuhan yang telah engkau sampaikan kepada seluruh umat manusia itu adalah lengkap, seruan-seruan suci yang engkau laung-laungkan selama 23 tahun itu telah memenuhi ruangan angkasa dan ke seluruh pelosok alam buana. Kezaliman telah engkau hapuskan, kemungkaran telah engkau basmi, emosi perkauman, berkasta-kasta, berkelas-kelas, meperbezakan kulit warna, mengutamakan darah keturunan dan mementingkan harta kekayaan dunia dalam kehidupan umat manusia telah engkau kikis habis-habisan. Apa lagi yang kurang dan apa lagi yang mereka mahu?

Benarlah sebagaimana firman Allah yang mengatakan bahawa manusia itu adalah suatu makhluk yang terburu nafsu, makhluk yang kufurkan nikmat, makhluk yang tidak tahu

## Lahirnya Muhammad...

menghargai pengajaran-pengajaran baik yang diberikan kepada mereka. Mereka berangan-angan mahu memadamkan cahaya (agama) Allah dengan mulut-mulut mereka, namun begitu Allah terus menyempurnakan agama-Nya itu dengan mengutus nabi-nabi dan rasul-rasul membawa pengajaran-pengajaran suci yang bakal menyelamatkan mereka dari jurang kesesatan yang nyata, sekalipun mereka menentanginya. Jasa-jasamu yang begitu besar hendak mereka lupakan.

### Perpaduan yang Teguh Konkrit:

Wahai RasuluLlah! Sesungguhnya engkau telah berkali-kali menyeru umat manusia kepada jalan yang benar, iaitu jalan agama Allah yang hak dengan menerangkan kepada mereka, tidak ada sesuatu perpaduan yang lebih teguh dan lebih konkrit daripada perpaduan Islam itu adalah suatu perpaduan yang tidak berdasarkan perkauman, perpaduan yang tidak memandang kepada asal keturunan, tidak membezakan warna kulit dan tidak pula mementingkan kelas-kelas, kasta-kasta dalam hidup; sebagaimana yang pernah engkau jelaskan di dalam sebuah hadithmu yang bermaksud:

((Perbandingan atau bentuk (perpaduan masyarakat) orang-orang yang beriman itu dalam perasaan kasih mesra mereka, belas kasihan mereka dan keramah-tamahnya mereka (antara satu sama lain) seumpama satu tubuh, sekiranya mengadu salah satu daripada anggotanya mengatakan sakit, maka keseluruhan tubuh akan merasakan seksa tak tidur malam dan demam.))

Tetapi manusia Muslimin hingga ke hari ini tidak mahu memahami akan konsep dan dasar-dasar perpaduan yang telah engkau terangkan dengan begitu nyata dan jelas dalam hadithmu yang mengandungi hikmah dan pengertian yang mendalam itu. Mereka lebih suka hidup

berpecah-belah, mengeneipkan emosi kasih-sayang, menjauhkan perasaan belas kasihan, tidak mahu kenal mengenali antara satu sama lain. Kalau ada di antara jiran tetangga yang di sebelah-menyebelah rumah mereka mengeluh, merintih menanggung penderitaan, maka nafas keluhan dan suara rintihannya itu mereka dengar dengan perasaan yang sepi, tanpa menginsafi segala penderitaan yang sedang memperkosa jiran tetangganya itu; apatah lgi jika penderitaan-penderitaan yang seumpama itu ditanggung oleh saudara-saudara mereka yang lebih jauh.

### Bila Manusia Akan Insaf?

Tegasnya manusia Muslim yang hidup di zaman apa yang dinamakan ((zaman tamadun)) ini, lebih mementingkan pangkat kebesaran, harta kekayaan dan asal keturunan. Akibatnya tertentangleh<sup>4</sup> sebuah jurang yang dalam untuk memisahkan antara umat Islam bangsawan dan hartawan yang hidup mewah, makmur, yang menikmati segala kesenangan hidup kurniaan Tuhan Maha Pemurah dengan umat Islam marhaen, golongan miskin yang hidup terlonta-lonta mencari rezeki, mengaisi bumi pagi dan petang dengan membanting tulang, memeras tenaga dan menyapu keringat yang tak kunjung kering.

Wahai nabi Allah! Bilakah manusia ini akan insaf dari penyelewengan-penyelewangan yang mereka lakukan? Kapanakah mereka akan surut kembali kepada ajaran-ajaran Tuhan yang telah engkau sampaikan kepada mereka, agar kemuliaan dan ketinggian seluruh umat Islam dapat dikembalikan semula ke zaman 14 abad yang silam, di mana mereka hidup di dalam sebuah masyarakat yang bersatu padu, berada di kemuncak mercu yang gilang-gemilang, di bawah pimpinan seorang penganjur agung yang tidak ada tolok bandingnya. Kepada Allah kami mengharapkan hidayah dan pertunjuk ke jalan yang benar. *Wa biLlāh al-Tawfīq.*

<sup>4</sup> Perkataan sebenar ialah terbentangleh